

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

PENGENDALIAN MAJLIS IBADAH KORBAN DI MASJID-MASJID SELURUH NEGARA BAGI TAHUN 1441 HIJRAH / 2020 MASEHI

Isnin, 21 Zulkaedah 1441 bersamaan 13 Julai 2020 -

1. Kementerian Hal Ehwal Ugama ingin mengumumkan bahawa sebagaimana kelazimannya, Jabatan Hal Ehwal Masjid akan mengadakan Majlis Ibadah Korban di masjid-masjid seluruh negara selepas selesai sahaja Sembahyang Hari Raya Aidiladha dan Hari-Hari Tasyrik berikutnya.
2. Memandangkan pada masa ini langkah-langkah kawalan penularan wabak COVID-19 masih dikuatkuasakan, maka Ahli Jawatankuasa Takmir Masjid yang hendak mengadakan Majlis Ibadah Korban hendaklah mengikuti garis panduan atau prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan dengan berpandukan kepada nasihat daripada Kementerian Kesihatan. Pematuhan kepada garis panduan ini adalah penting memandangkan masih ada kekhawatiran mengenai bahaya jangkitan COVID-19 di negara ini.
3. Garis panduan ini adalah untuk memastikan keselamatan diri petugas dan peserta ibadah korban di samping memastikan penjarakan fizikal dan sosial dipatuhi. Binatang korban hendaklah diuruskan oleh petugas yang diatitkan manakala penyembelihan binatang korban hanya akan dilaksanakan di tempat penyembelihan yang dikhaskan.
4. Garis panduan ini juga adalah untuk menjamin kebersihan dan keselamatan semasa penyediaan / pengurusan daging-daging korban yang perlu sentiasa diberi keutamaan. Petugas pelapah daging korban hendaklah sentiasa menjaga kebersihan, mencuci tangan dengan betul, memakai sarung tangan dan sungkup muka (face mask). Bagi seekor kerbau atau sapi adalah dihadkan kepada 04 – 05 orang petugas dan seekor kambing dihadkan kepada 02 orang petugas sahaja.

M.S: 1 - 2

5. Sementara pengagihan daging korban bolehlah dilaksanakan di perkarangan masjid dengan tidak melebihi kouta yang ditetapkan. Petugas dan peserta ibadah korban serta orang ramai hendaklah mengimbas kod QR, memeriksa suhu badan dan mensanitasi tangan sebelum masuk ke kawasan masjid. Kaedah pengagihan bolehlah juga dibuat secara pandu lalu (drive thru) atau jalan lalu (walk thru).
6. Bagi orang ramai yang berhasrat untuk melaksanakan ibadah korban di kediaman masing-masing hendaklah mengikuti garis panduan ini sebagaimana di dalam para bilangan 3, 4 dan 5 di atas.
7. Akhirnya, sama-samalah kita terus mengamalkan sikap berjaga-jaga, tidak leka dan lalai demi kemaslahatan dan keselamatan negara, semoga negara kita akan terpelihara dan cepat terlepas daripada ancaman wabak COVID-19 ini, dan semoga kita semua akan dapat kembali pulih dalam urusan kehidupan seharian khususnya melaksanakan ibadat seperti sedia kala di masjid, surau dan balai-balai ibadat dengan mendapat rahmat dan keberkatan daripada Allah Subhanhu Wata'ala jua, Amin Ya Rabbal Alamien.

-TAMAT-

Rujukan: KHEU/BPA/PR/Julai/2020

Tarikh: 21 Zulkaedah 1441 bersamaan 13 Julai 2020